PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

KKM sedia SOP hadapi El Nino



DZULKEFLY Ahmad beramah mesra dan menyampaikan sumbangan 'angpao' kepada warga emas pada program itu di Kuala Selangor, Selangor.- UTUSAN / ISKANDAR SHAH MOHAMED

- Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED
- 25 Februari 2024, 2:25 pm

KUALA SELANGOR: Kementerian Kesihatan (KKM) menyediakan prosedur operasi standard (SOP) bagi menghadapi fenomena El Nino yang diramal melanda negara sehingga Jun ini.

SOP tersebut mengambil kira faktor cuaca panas ketika ini termasuk keadaan jerebu.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, langkah itu antaranya melibatkan kesiapsiagaan semua fasiliti kesihatan dan pemantauan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di seluruh negara.

"KKM mahu memastikan fasiliti kesihatan sentiasa bersedia dengan bekalan ubat-ubatan terutama penyakit berkaitan jangkitan mata dan pernafasan.

"Selain itu, kita akan terus memantau bacaan IPU dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya ketika ditemui pada majlis sambutan Tahun Baru Cina Parlimen Kuala Selangor, malam tadi.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Muhammad Helmi Abdullah memaklumkan El Nino dengan intensiti kuat yang melanda dunia ketika ini dijangka berterusan hingga pertengahan tahun ini.

Justeru, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) akan mengadakan mesyuarat bersama pelbagai kementerian dan agensi bagi memastikan persediaan terbaik menghadapi kesan fenomena itu.

Tambah Dzulkefly, kementeriannya turut akan meneruskan penyebaran bahan pendidikan kepada orang ramai.

“Kita memainkan peranan dalam memberi nasihat teknikal termasuk berkaitan penganjuran aktiviti sukan dan langkah penjagaan kesihatan. Semua SOP itu sudah ada dan akan dihebahkan kepada umum nanti,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor berkata, KKM sentiasa sedia bekerjasama dengan NRES bagi membincangkan isu mengenai fenomena tersebut.

“Setakat ini keadaan masih terkawal dan saya difahamkan tiada kes strok haba serius berlaku. Perkara paling penting adalah kita sememangnya sudah bersedia dan mengikut SOP biasa termasuk melibatkan jerebu,” katanya. – UTUSAN